





# *Dewan* **MASYARAKAT**

KDN 7611

15 OGOS 1974

80 SEN



**Sedang  
Dijual** ⇒

Jilid XVIII  
Keluaran 46  
9½" x 6¾"  
**\$2.50**  
senaskhah



# **JOURNAL KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Sumber untuk mengetahui hal-hal pendidikan di Malaysia.  
Hasil usaha Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama DBP.  
Diterbitkan pada tiap-tiap bulan April, Ogos dan Disember.

Antara kandungan keluaran ini:-

- \* Perkembangan bahasa bagi kanak-kanak pada peringkat awal.
- \* Laporan mengenai aktiviti pengajaran terancang di Malaysia.
- \* Apakah perubahan sukan?
- \* Perkembangan bidang pelajaran di Malaysia: Persoalan dan masalaahnya.

Berhubunglah dengan kedai-kedai buku atau pembahagi DBP.

Penerbitan:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Peti Surat 803,  
Kuala Lumpur.  
Telipon: 88955.



Memang sudah menjadi keghairahan sesiapa saja yang membincangkan Adat Perpatih (AP) mengaitkan pertaliannya dengan konsep demokrasi. Keghairahan semakin menjadi-jadi sejak tahun 1955, selepas pilihanraya umum pertama diadakan di Persekutuan Tanah Melayu. Seolah-olah penulis-penulis Adat Perpatih baru semenjak itu mendapat ilham atau sedar bahawa AP rupa-rupanya mempunyai unsur-unsur demokrasi.

Kenyataan-kenyataan yang ditulis kadang-kadang menggelikan hati atau seolah-olah berseloroh saja bunyinya. Contohnya: "Mereka telah berjaya mempraktikkan pemerintahan demokrasi di Minangkabau lebih 100 tahun sebelum Columbus menemui Pantai Amerika dan lebih 300 tahun sebelum demokrasi dicipta di Perancis..." (Samad Idris — *Demokrasi Bermula Dari Tanah Minang?* — DM Jun 1974). Dan A. Rahman Mohamad menulis: "Bahawa sanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada Demokrasi dan Sosialism tiadalah pihak yang akan sanggup menyangkalnya dan menafikannya." (*Dasar-Dasar Adat Perpatih* — Pustaka Antara, 1964).

Saya kira pendapat-pendapat ini tidak lain dari hanya percubaan untuk mengidentitikan sistem politik AP dengan sistem demokrasi disebabkan beberapa unsur yang terdapat dalam AP. Dan jika diamati proses memberikan identiti ini tidak akan habis-habis. Datuk Samad Idris mengaitkannya dengan demokrasi, A. Rahman Mohamad dengan sosialisma. Mungkin tidak lama lagi ada tokoh adat yang mengaitkannya pula dengan nazism, maoisma, facisma dan macam-macam isma lagi.

Semua ini menunjukkan masyarakat kita masih mengagung-agungkan fahaman-fahaman barat dan cuba menyamakan apa yang ada pada kita. Masyarakat kita enggan mengakui dan menamai sendiri hak kita. Tidak impresif mungkin. Jika inilah sebabnya maka kempen Revolusi Mental masih belum berjaya dan menurut Prof. S. Husin Al-Attas masyarakat masih lagi terkongkong.

Sebenarnya dengan mengakui identiti Sistem Politik Adat Perpatih saja tanpa menghubungkannya dengan konsep-konsep lain adalah lebih bijak apatah lagi AP memang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

Anggapan teoritis bahawa AP didasarkan kepada Demokrasi adalah diasaskan kepada beberapa perbilangan yang ter-

## DEMOKRASI BERMULA DARI TANAH MINANG?

SAMAD IDRIS (DATUK)



Sebahagian daripada masyarakat Negeri Sembilan terutama golongan muda, sama ada yang menetap di kampung atau di luar negeri, telah melemparkan tuduhan dan menyatakan rasa kurang puas hati mengenai sistem Adat Perpatih yang berjalan sekarang. Mereka anggap Adat Perpatih satu adat yang telah lapuk, usang, basi, menghambat kemajuan dan tidak sesuai lagi dalam zaman pembangunan ini.

Ditinjau dari satu sudut nyatalah tuduhan mereka itu sukar dipaparkan kebenarannya, lebih-lebih lagi bila mereka dapat buktikan dengan terang bahawa penyesuaian Adat Perpatih dengan keadaan yang wujud dan perubahan zaman tidak dapat lagi dihindangkan kepada masyarakat yang serba maju dan moden.

Segolongan yang lain pula, terutama puak-puak Datuk-Lembaga dan pendukung adat tetap mempertahankan kesucian dan kemurnian adat itu dengan mengemukakan pula hujah-hujah yang mempunyai asas juga. Oleh kerana itu timbulah pertentangan antara kedua pihak.

Anak-anak muda yang merantau pernah berkata, "apalah gunanya duduk di kampung, kerana mereka tidak berhak mendapat harta pesaka, biarlah orang-orang perempuan sahaja yang tinggal di

oleh segolongan kecil pendukung-pendukungnya saja, seperti Datuk-datuk Lembaga. Itu pun tidak secara mendalam. Malahan sebahagian daripada mereka mengetahuinya melalui percakapan dan pesanan-pesanan dari orang tua-tua. Maka dari pandangan yang agak negatif seperti inilah timbulnya pertentangan pendapat dan lahirnya golongan penentang adat.

Kata pepatah "tahu dek ngok, pandai dek muk", jadi saya yang dilahirkan dalam sedutan udara nyaman Adat Perpatih dan sejak kecil mandi di peri-

undang yang luar biasa kebolehan; menyusun satu peraturan hidup bermasyarakat dan bernegara yang paling sempurna dalam zamannya hingga sekarang. 50 tahun kemudian.

Yang mencipta Adat Perpatih ini ialah Datuk Perpatih Nan Sebatang dan sejarahnya Datuk Ketemenggungan. Alas sejarah di Minangkabau tidak dapat putuskan tatkah yang tepat akan kelahiran dua bersaudara ini tetapi dianggap mereka lahir pada pertengahan kurun yang ke 14, di antara tahun 1340 hingga 1360. Mereka berdua boleh dianggap pencipta demokrasi yang terulung, bijaksana dan berkelahir besar bukan sahaja di Alam Melayu tetapi juga ke seluruh dunia sesudah Islam. Jika dibandingkan dengan nilai pemikiran manusia zaman itu kejayaan mereka mengunggulkan. Mereka telah berjaya mempraktikkan pemerintahan demokrasi di Minangkabau lebih 100 tahun sebelum Columbus menemui Pantai Amerika dan lebih 300 tahun sebelum demokrasi dicipta di Perancis, meskipun Plato dan Aristoteli pernah ber teori mengenai demokrasi dalam zaman mereka 347-429 dan 322-384 S.M.

Sesungguhnya, bangsa Melayu harus meletakkan kerana merestui bangsa pertama

## KEBUDAYAAN

# Fiudal dlm Adat Perpatih

SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

dapat dalam AP seperti:

*Bulat air dek pemetong*

*Bulat kata dek muafakat*

*Bulat anak buah menjadikan Buapak*

*Bulat Buapak menjadikan Lembaga*

*Bulat Lembaga menjadikan Undang*

*Bulat Undang menjadikan Raja*

Dari perbilangan ini dapat difahamkan bahawa kekuasaan dan pemerintahan adalah didatangkan dari bawah melalui musyawarah dan muafakat. Dengan itu Buapak, Lembaga, Undang dan Raja merupakan wakil-wakil yang menerima kuasa dari rakyat melalui satu proses yang bertangga. Wakil-wakil yang sudah dilantik boleh dipecat, kalau sedemikian dikehendaki oleh rakyat atas dasar-dasar yang sah menurut falsafah AP.

Selanjutnya, pemerintahan yang dijalankan dalam tiap Luak adalah berdasarkan "keadilan" yang ditetapkan oleh adat. Ini bermakna setiap tindakan ada adatnya (peraturan dan undang-undang) seperti kata pepatah:

*Adat sepanjang jalan*

*Cupak sepanjang betung*

*Adat diisi*

*Lembaga dituang*

Undang-undang ini hanya boleh dilaksanakan selagi diakui dan disahkan oleh semua pihak, dan undang-undang ini tidak lagi berkuatkuaasa kalau semua pihak bersetuju memansukhkannya, seperti kata pepatah:

*Habis Adat kerana kerelaan*

*Hilang Adat tegah dek muafakat.*

Oleh itu atas dua dasar penting:

- adanya muafakat bila memilih wakil yang dijalankan secara bertingkat-tingkat, dan

- adanya Adat atau undang-undang dan peraturan yang boleh dicipta dan dimansukhkan mengikut kehendak rakyat melalui wakil-wakilnya, maka Adat Perpatih pun dianggap bercorak demokrasi.

Dasar-dasar di atas yang bersandarkan falsafah semata-mata adalah terlalu dang-



Datuk Samad Idris (kiri) dan Shamsul Amri.

kal dan tidak memadai untuk dijadikan hujah bagi mempertahankan pendapat teoritis bahawa politik AP itu secara total bercorak demokratis. Sekali imbas pendapat ini mungkin betul kerana terdapat pengundian seperti mengangkat tangan dijalankan bila memilih Buapak. Rumusan seperti ini adalah terburu-buru dan kurang bijak. Ia menunjukkan betapa ceteknya penelitian yang dibuat oleh tokoh-tokoh tempatan tentang AP.

Sebenarnya AP mengandungi elemen-elemen fiudal yang sekental dan sekuat elemen-elemen demokrasi kerana dalam adat ini wujud satu sistem pemerintahan yang mempunyai tret-tret fiudal seperti:

- Adanya perbezaan antara yang miskin (kaum tani) dengan yang kaya (kaum bangsawan dan raja) di bidang ekonomi, politik dan kehakiman. Jurang perbezaan ini luas.
- Susunan dan hirarki politik dimonopoli oleh beberapa keluarga atau kelompok yang didasarkan kepada darah keturunan. Setiap kelompok ini pula mempunyai kawasan pemerintahan yang luas.
- Hubungan antara yang diperintah dan yang memerintah adalah bercorak *patron - client*, terutama di bidang ekonomi yang berkait rapat dengan kekuasaan dan bidang politik.
- Adanya pemecahan kuasa dan wewenang politik menurut kawasan.
- Di peringkat tertinggi pemerintahan, iaitu raja, ada semacam keistimewaan tertinggi, khususnya, mereka terlindung dari segala segi terutamanya undang-undang, tetapi mereka mempunyai kekuasaan tertinggi dalam kehakiman, ekonomi dan pentadbiran negeri.

Dalam masyarakat AP tret-tret ini boleh dikesani dengan membuat suatu andaian seperti dalam penilaian Undang Johol misalnya.

Dalam Luak Johol ada sekurang-kurangnya 12 suku. Bakal Undang Johol mestilah seorang anggota dari Suku Biduanita Waris. Manakala anggota suku lain tidak berhak menjadi undang.

Dalam Suku Biduanita Waris pula ada dua perut (pecahan keluarga); Perut Johol dan Perut Gemencih. Setiap anggotanya layak menjadi Undang. Jawatan Undang dipegang secara bergilir antara dua perut ini. Bakal pengganti Undang digelar Baginda Tan Mas. Dan jika Undang yang memerintah meninggal ia memegang jawatan.

Undang Johol bergelar Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan dan dipilih oleh sebuah badan yang diketuai oleh Datuk Jenang bersama enam orang Buapak yang lain bergelar Buapak yang Enam. Badan ini juga memilih pengganti Undang, iaitu Baginda Tan Mas, dengan Undang menjadi saksi.

Undang Johol adalah salah seorang dari Undang yang empat di Negeri Sembilan yang mempunyai kuasa muktamad memilih Yang Dipertuan Besar. Ia juga mempunyai kuasa mutlak dalam luaknya. Bermakna ia mempunyai kuasa otonomi di wilayahnya.

Hal-ehwal adat dan sebarang persengketaan adat yang berlaku dalam lingkungan pemerintahannya adalah haknya untuk memutuskan kecuali hukuman mati yang masih terletak di tangan raja, seperti kata perbilangan: *Kata mencari pada Lembaga Sah batal kepada Undang*

*Hidup mati pada Keadilan.*

*Tali pengikat pada Lembaga  
Keris penyalang pada Undang  
Pedang pemancung pada Keadilan.*

Dari andaian di atas dapat dikesan beberapa tret fiudalisa. Pertamanya, calon Undang hanya didatangkan dari satu kelompok yang berdasarkan darah keturunan (ascribed) bukan kebolehan (achieved). Biar apapun latar belakang sejarah yang menghalang perubatan ini, tetapi yang pasti ialah tindakan ini tidak demokratik. Kerana tidak semua suku mempunyai peluang yang sama.

Kalau unsur pengundian dijadikan ukuran demokrasi ia juga tidak bijak kerana di Barat dalam kurun ke lapan belas dulu pun telah wujud unsur ini walaupun sistem pemerintahan masa itu sistem fiudal. (Block M - *Feudal Society* - 1968, ms. 336 dan 383); Kedua, Undang mempunyai kuasa perundangan, pentadbiran dan kehakiman dalam Luaknya. Dia menghitamputihkan banyak hal terutama yang menyentuh soal adat. Jadi ini lebih bercorak fiudal dari demokratik. Oleh kerana itu anggapan bahawa AP itu berdasarkan demokrasi adalah satu kekeliruan semata-mata kerana bila diteliti dengan terperinci didapati wujud satu sistem *ascriptive* yang kompleks yang menonjolkan kekentalan unsur fiudal dalam AP. Sistem ini mengurangkan penglibatan setiap individu untuk memilih ketua mereka.

Bukti-bukti di atas cukup menyakinkan bahawa memang banyak unsur fiudal dari unsur demokrasi dalam AP. Sistem politik AP sekarang lebih sesuai dipanggil Sistem Politik Adat Perpatih. Ia jelas menggambarkan ketulunan dan kesendirian adat itu walaupun tidak dapat dinafikan adanya unsur-unsur fiudalisa, demokrasi dan sosialisma di dalamnya. Panggilan ini menampakkan keaslian dan keunggulan AP yang bebas dari sebarang kongkongan. Tidak perlu bergantung kepada lapuran-lapuran manusia seperti Lister, Wilkinson dan lain-lain pegawai Inggeris yang kononnya menulis secara objektif tentang AP. Memang, kemurnian AP tidak dapat dinafikan. Falsafahnya begitu adil dan perbilangannya indah tetapi apa yang perlu ditekankan ialah tokoh-tokoh AP, akademik dan non-akademik, harus berbangga dengan ketulisan AP. Usah cuba mencampuradukkan isma-isma yang begitu asing dengan adat resam sendiri.